

30/05/2003

Kredit mikro mula ditawarkan Selasa

BANK Pertanian Malaysia Bhd (BPMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan mula membuka permohonan pinjaman di bawah Skim Kredit Mikro, Selasa depan.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata kerajaan sudah

pun mengagihkan dana RM200 juta kepada BPMB, Isnin lalu.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan jumlah dana yang sudah diagihkan kepada BSN.

"Kerajaan mahu Skim Kredit Mikro ini dimulakan dengan segera. BPMB dan BSN sudah diarah mengadakan pertemuan dengan semua pengurus cawangan pada

hujung minggu ini bagi membolehkan skim ini dimulakan pada 3 Jun ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan pengurusan kanan BPMB di ibu pejabat BPMB di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Pengerusi BPMB, Datuk Sulaiman Daud

dan Pengurus Besarnya, Datuk Mohd Rosli Abdul Aziz.

Jamaludin semalam turut mengadakan pertemuan dengan pengurusan BSN di ibu pejabat bank itu di Kuala Lumpur.

Di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan skim berkenaan bertujuan memberi akses pinjaman lebih mudah kepada peniaga kecil.

Daripada peruntukan itu, RM500 juta disalurkan kepada BPMB bagi memberi

pinjaman kepada peniaga yang terbabit dalam perniagaan berkaitan pertanian, manakala RM300 juta kepada BSN bagi perniagaan bukan pertanian.

Sebanyak RM200 juta lagi disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

yang akan diletakkan di bawah BPMB.

Jamaludin berkata, menerusi Skim Kredit Mikro itu, peniaga kecil yang layak boleh mendapatkan pinjaman sehingga RM20,000 tanpa memerlukan sebarang cagaran.

Bagaimanapun, jumlah pinjaman itu boleh ditingkatkan kepada RM50,000 bergantung kepada keperluan pemohon.

"Pinjaman di bawah skim itu ditawarkan di bawah kedua-dua kaedah perbankan konvensional dan skim perbankan Islam, dengan masing-masing menawarkan kadar faedah dan keuntungan empat peratus," katanya.

Beliau berkata, penilaian bagi pinjaman di bawah skim itu akan dibuat berdasarkan kepada daya maju perniagaan pemohon.

Bagi memastikan prestasi pembayaran balik yang baik, bank akan memantau

aliran tunai perniagaan peminjam, katanya.

Mengenai tempoh kelulusan bagi setiap permohonan, Jamaludin berkata ia akan dipercepatkan, manakala BPMB dan BSN sudah diarah untuk meluluskan permohonan pinjaman dalam tempoh antara dua hari sehingga dua minggu.

"Namun bagi saiz pinjaman tertentu, kelulusan permohonan pinjaman mungkin dijangka hanya mengambil masa sehari untuk diluluskan," katanya.

Beliau berkata, bagi menggalakkan pembabitan wanita dalam perniagaan, skim itu turut memberi tumpuan kepada usahawan wanita.

Sementara itu, Jamaludin berkata, BSN yang turut diberikan tanggungjawab menyalurkan pinjaman tanpa faedah untuk deposit membeli rumah berharga kurang RM100,000 dalam Projek Harapan juga akan mula membuka permohonan bagi skim itu Selasa ini.